

**3756/1  
PRINSIP PERAKAUNAN  
OGOS  
2013  
1 ¼ JAM**



**GEMPUR AKADEMIK SPM 2013**

---

**MODUL B  
PRINSIP PERAKAUNAN**

**Kertas 1**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A,B,C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Jawab **semua** soalan.

- 1 Encik Farhan ialah seorang pegawai akaun sebuah syarikat telah menyediakan penyata kewangan mengikut proses urutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh.

Apakah proses tersebut?

- A Konsep Perakaunan
- B Kitaran Perakaunan
- C Prinsip Perakuanan
- D Sistem Perakauan

- 2 Maklumat berikut merujuk kepada Perniagaan Veeran:

Perniagaan Veeran tidak melaporkan keuntungan di dalam Penyata Kewangan berdasarkan jangkaan keuntungan RM500 000 yang bakal diperoleh pada bulan hadapan.

Apakah prinsip yang dipatuhi oleh Perniagaan Veeran?

- A Konservatisme
- B Tempoh Perakaunan
- C Asas Perakaunan Akruan
- D Pelaporan Berasaskan Nilai Saksama

- 3 Maklumat di bawah menunjukkan ciri-ciri bagi satu organisasi perniagaan.

- Menanggung liabiliti terhad
- Keuntungan perniagaan diagihkan dalam bentuk dividen
- Laporan kewangan diumumkan kepada orang ramai
- Pengurusan perniagaan dikendalikan oleh Lembaga Pengarah

Antara berikut, organisasi perniagaan manakah menepati ciri-ciri berikut?

- A Kedai Runcit Azreen
- B Klinik Satish dan Tan
- C Syarikat Lelangit Berhad
- D Perniagaan Pelangi Sdn. Bhd.

4 Data berikut menunjukkan aset dan liabiliti Kedai Minah Jaya pada 31 Mei 2013.

	RM
Stok	30 000
Overdraf bank	1 100
Pembiayaan	5 200
Penghutang	2 225
Pinjaman bercagar	17 500
Lengkapan	22 000

Hitungkan modal beliau pada tarikh tersebut.

- A RM 30 425
- B RM 36 375
- C RM 42 525
- D RM 78 025

5 Perniagaan Teratai mempunyai carta akaun seperti berikut:

<b>Jenis akaun</b>	<b>Kod item</b>
Aset	1000-1999
Liabiliti	2000-2999
Ekuiti pemilik	3000-3999
Hasil	4000-4999
Belanja	5000-5999

Apakah nombor kod yang betul bagi akaun hutang lapuk terpulih?

- A 5 050
- B 4 102
- C 2 301
- D 1 200

6 Butiran manakah merupakan liabiliti semasa perniagaan?

- A Insurans terdahulu  
B Kadar bayaran terdahulu  
C Faedah atas simpanan terakru  
D Faedah atas pinjaman terakru
- 7 Dialog ini berlaku di antara Juliana dengan Karina mengenai dokumen perniagaan.
- Juliana : Puan Karina, invois yang syarikat kami hantar semalam telah tertinggal caj angkutan.  
Karina : Ya ke? Cik Juliana nak betulkan dalam invois itu ke?  
Juliana : Tak perlu. Kami akan hantar satu dokumen untuk menambahkan jumlah bayaran yang terkurang caj dalam invois itu.
- Apakah dokumen yang akan dihantar oleh Cik Juliana?
- A Makluman kredit  
B Makluman debit  
C Nota kredit  
D Nota debit
- 8 Apakah dokumen yang digunakan dalam urus niaga tunai?
- A Invois  
B Baucar  
C Nota Kredit  
D Penyata Akaun
- 9 Antara yang berikut, urus niaga manakah dicatat dalam Jurnal Am?
- I Membeli sebuah van secara kredit untuk perniagaan.  
II Membayar insurans peribadi dengan tunai perniagaan.  
III Mengambil tunai perniagaan untuk kegunaan peribadi.  
IV Membawa masuk sebuah komputer peribadi dalam perniagaan.
- A I dan III

- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

10 Aimee's Pet Shop menerima nota kredit daripada Farmasi Wahida bernilai RM375 pada 18 April 2013. Nota kredit ini adalah untuk pulangan ubat-ubatan haiwan oleh Aimee's Pet Shop seminggu sebelum tarikh berkenaan. Buku catatan pertama yang manakah digunakan oleh Farmasi Wahida untuk merekod butiran nota kredit tersebut?

- A Jurnal Jualan
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Pulangan Jualan
- D Jurnal Pulangan Belian

11 Urus niaga di bawah diperoleh daripada buku Perniagaan Kukuh.

21 April 2013 : Menghantar nota debit kepada Kedai Gagah berjumlah RM210 kerana harga terkurang caj dalam invois.

Apakah jurnal yang digunakan oleh Perniagaan Kukuh untuk merekod urus niaga tersebut?

- A Jurnal Jualan
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Pulangan Jualan
- D Jurnal Pulangan Belian

- 12 Pada 1 Mac 2013, Perniagaan Bora membeli sebuah komputer riba untuk kegunaan perniagaan berharga RM1 999 daripada Comel Technology secara kredit. Antara berikut, manakah catatan yang betul dalam Akaun Alatan Pejabat?

A	Akaun Alatan Pejabat		
	2013	RM	
	Mac 1 Comel Technology	1 999	
B	Akaun Alatan Pejabat		
	2013	RM	
	Mac 1 Belian	1 999	
C	Akaun Alatan Pejabat		
		2013	RM
		Mac 1 Comel Technology	1 999
D	Akaun Alatan Pejabat		
		2013	RM
		Mac 1 Belian	1 999

- 13 Antara akaun-akaun berikut, yang manakah merupakan akaun perorangan?

- A Akaun Jualan
- B Akaun Promosi
- C Akaun Pembiutang
- D Akaun Kenderaan

14 Maklumat berikut diambil daripada buku Kedai Runcit See Mon.

**Akaun Kawalan Pembiutang**

2013		RM	2013		RM
Mac 1	Bank	4 000	Mac 31	Baki b/b	800
	Diskaun diterima	90		Belian	7 200
	Baki h/b	3 910			
		<u>8 000</u>			<u>8 000</u>

Apakah sumber maklumat bagi butiran diskauan diterima?

- A Jurnal Am
- B Buku Tunai
- C Jurnal Belian
- D Jurnal Pulangan Belian

15 Apakah fungsi Imbangan Duga ?

- A Mengira belanja dan hasil.
- B Menghitung jumlah jualan.
- C Menyemak ketepatan sistem catatan bergu.
- D Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan.

16 Bayaran tunai RM510 kepada Wan Man telah didebitkan ke Akaun Tunai dan dikreditkan ke Akaun Wan Man.

Apakah catatan pembetulan bagi kesilapan di atas?

	<b>Debit</b>	<b>RM</b>	<b>Kredit</b>	<b>RM</b>
A	Tunai	510	Wan Man	510
B	Wan Man	510	Tunai	510
C	Tunai	1 020	Wan Man	1 020
D	Wan Man	1 020	Tunai	1 020

17 Antara berikut, akaun manakah yang dicatat dalam komponen Aset Bukan Semasa dalam Kunci Kira-kira?

- A Peruntukan Hutang Ragu
- B Hutang Lapuk Terpulih
- C Untung Pelupusan aset
- D Susut nilai terkumpul

18 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Perabot Perdana.

Akaun Gaji					
2013		RM	2013		RM
Jun 30	Bank	13 890	Jun 30	Untung Rugi	17 335
	Tunai	2 335			
	Baki h/b	1 110			
		<u>17 335</u>			<u>17 335</u>

Berapakah jumlah gaji yang dicatatkan dalam Penyata Pendapatan?

- A RM17 335
- B RM13 890
- C RM2 335
- D RM1 110

19 Apakah rumus untuk mengira modal kerja?

- A Aset Semasa + Liabiliti Semasa
- B Aset Semasa – Liabiliti Semasa
- C Aset Bukan Semasa + Aset Semasa + Liabiliti Semasa
- D Aset Bukan Semasa + Aset Semasa – Liabiliti Semasa

20 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Nur Enterprise pada 31 Julai 2013.

	RM
Stok pada 1 Ogos 2012	4 200
Belian	38 000
Pulangan masuk	840
Pulangan keluar	700
Angkutan masuk	3 240
Angkutan keluar	2 340

Berapakah kos barang untuk dijual?

- A RM43 700
  - B RM43 840
  - C RM44 600
  - D RM44 740
- 21 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Syarikat Komputer Jaya.

	RM
Penghutang	78 900
Peruntukan Hutang Ragu (1 Januari 2012)	560
Hutang Lapuk	350

Pada 31 Disember 2012, Syarikat Komputer Jaya telah menyelaraskan peruntukan hutang rugu pada kadar 4% atas penghutang bersih.

Berapakah jumlah peruntukan hutang rugu yang dicatatkan dalam Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2012?

- A RM3 142
- B RM3 156
- C RM3 702
- D RM3716

22 Antara berikut , item manakah **tidak perlu** dikemaskini dalam Buku Tunai semasa menyediakan Penyata Penyesuaian Bank?

- A Arahan Tetap
- B Cek tak layan
- C Pindahan kredit
- D Cek belum dikemukakan

23 Buku Tunai Menang-Menang Enterprise menunjukkan baki debit RM2 656 pada 31 Mac 2013. Penyata bank menunjukkan baki yang berbeza pada tarikh yang sama. Perbezaan ini disebabkan perkara-perkara berikut :

- i) Deposit belum dikreditkan RM8 240.
- ii) Cek belum dikemukakan RM3 270.

Berapakah baki yang ditunjukkan di Penyata bank pada 31 Mac 2013?

- A Baki debit RM2 314
- B Baki debit RM7 626
- C Baki kredit RM2 314
- D Baki kredit RM7 626

24 Encik Malek ingin menyediakan Belanjawan Tunai perniagaannya bagi enam bulan berakhir 30 Jun 2014. Beliau bercadang membeli lengkapan pejabat berharga RM8 800 pada bulan Januari 2014 dengan bayaran pendahuluan RM4 000. Bakinya akan dibayar secara ansuran selama empat bulan mulai bulan berikutnya.

Berapakah bayaran lengkapan pejabat untuk bulan Januari 2014?

- A RM800
- B RM4 000
- C RM4 800
- D RM8 800

25 Antara berikut yang manakah potongan sukarela ke atas gaji kasar.

- I Caruman PERKESO.
- II Caruman KWSP.
- III Insurans Takaful.
- IV Pinjaman perumahan.
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Maklumat berikut, di peroleh daripada slip gaji Encik Hamizan yang bekerja di Firma Perakaunan RNH Bhd.

<b>Butir</b>	<b>RM</b>
Gaji pokok	5 000
Elaun Keraian	800
Potongan Cukai Berjadual sebulan	450
Pinjaman	680

Kadar caruman pekerja kepada KWSP ialah 11% daripada gaji pokok dan elaun tetap.

Berapakah Gaji Bersih Encik Hamizan sebulan.

- A RM5 800
- B RM4 670
- C RM4 032
- D RM3 070

27 Antara berikut yang manakah terkandung dalam Akta Perkongsian 1961?

- A Untung atau rugi akan dibahagi sama rata antara pekongsi.
- B Pekongsi yang terlibat mengurus perniagaan layak menerima gaji.
- C Pekongsi yang menyumbang modal layak menerima faedah atas modal sebanyak 10% setahun.
- D Pekongsi yang memberi pinjaman kepada perniagaan layak menerima faedah sebanyak 10% setahun.

28 Antara berikut yang manakah dicatat di sebelah debit Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- I Gaji pekongsi
  - II Faedah atas modal
  - III Faedah atas ambilan
  - IV Faedah pinjaman
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

29 Pada tarikh pembubaran baki kredit Akaun Modal Mursyid ialah RM5 200, rugi realisasi yang ditanggungnya ialah RM2 500. Berapakah baki wang yang akan dibayar oleh perkongsian kepada Mursyid?

- A RM2 500
- B RM2 700
- C RM5 200
- D RM7 700

30 Modal yang dinyatakan dalam Tatawujud Syarikat ialah .....

- A Modal belum diterbitkan
- B Modal diterbitkan
- C Modal dibenarkan
- D Modal berbayar

31 Maklumat di bawah diambil daripada Syarikat Ganda Ringgit Bhd pada 30 Jun 2013.

Modal Berbayar

1 000 000 6% Saham Keutamaan RM2 setiap satu.  
4 000 000 Saham Biasa RM0.50 setiap satu.

Lembaga pengarah syarikat telah bersetuju untuk membayar dividen 12 sen bagi setiap Saham Biasa yang dipohon beli oleh pelanggannya.

Berapakah dividen Saham Biasa yang dibayar oleh Syarikat Ganda Ringgit Bhd. kepada pemegang saham?

- A RM240 000
- B RM480 000
- C RM600 000
- D RM840 000

32 Modal Berdaftar Syarikat Hijrah Berhad ialah 5 000 000 unit saham yang terdiri daripada 2 000 000 7% Saham Keutamaan bernilai RM2 setiap satu dan 3 000 000 Saham Biasa bernilai RM1 setiap satu. Modal Diterbitkan terdiri daripada 2 000 000 unit Saham Keutamaan dan Saham Biasa 1 000 000 pada nilai tara dan dibayar penuh.

Hitungkan Modal Diterbitkan bagi Syarikat Hijrah Berhad.

- A RM2 000 000
- B RM3 000 000
- C RM4 000 000
- D RM5 000 000

- 33 Kelab Budaya telah mengadakan pertunjukan fesyen untuk mengutip derma bagi menambahkan tabung kelab. Pertunjukan tersebut telah berjaya mengumpulkan sebanyak RM16 200 daripada orang ramai.

Pilih catatan yang tepat untuk merekod derma di atas.

A

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

	RM
Derma	16 200

B

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

RM	
Derma	16 200

C

Akaun Untung Rugi

	RM
Derma	16 200

D

Akaun Untung Rugi

RM	
Derma	16 200

- 34 Berikut ialah maklumat penerimaan dan pembayaran Kelab Sukan Sihat pada 31 Januari 2013.

	RM
Yuran ahli	4 000
Kadar bayaran	150
Upah cuci gymnasium	200
Bayaran masuk	300

Hitungkan baki akhir?

- A RM3 350
- B RM3 750
- C RM3 950
- D RM4 650

- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Buku Sarah, sebuah perniagaan yang tidak menyimpan rekod yang lengkap.

Penyata mengira modal pada 1 Januari 2013		RM
	M	54 600
Tolak	N	13 500
		<u>41 100</u>

Apakah M dan N?

- A Aset dan Liabiliti
- B Hasil dan Belanja
- C Modal akhir dan Modal awal
- D Aset semasa dan Liabiliti semasa


- 36 Apakah tujuan Penyata Kos Pengeluaran disediakan?

- A Menyatakan kedudukan kewangan firma pengeluaran.
- B Mengira untung atau rugi pengeluaran.
- C Merancang proses pengeluaran.
- D Menghitung kos pengeluaran.

- 37 Apakah rumus bagi kos prima?

- A Kos bahan langsung + kos buruh langsung + kos overhed.
- B Kos bahan langsung + kos buruh langsung – kos overhed.
- C Kos bahan langsung + kos buruh langsung + belanja langsung.
- D Kos bahan langsung + kos buruh langsung – belanja langsung.

38 Graf berikut menunjukkan Titik Pulang Modal Kilang Permainan Ihsan.



Kawasan berlorek mewakili

- A Jumlah hasil
- B Jumlah kos
- C Untung
- D Rugi

39 Apakah maksud kadar pusing ganti stok yang rendah?

- I Berkemampuan menjelaskan hutang pembelian stok.
  - II Tidak cekap dalam mengurus stok.
  - III Tukar ganti stok yang terlalu kerap.
  - IV Stok jualan kurang laris.
- 
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

- 40 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Zairin bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

	RM
Stok awal	10 200
Stok akhir	12 140
Belian	15 780
Jualan	23 640
Untung kasar	9 800

Hitungkan peratus untung kasar atas kos jualan?

- A 41.5%
- B 55.3%
- C 62.1%
- D 70.8%

KERTAS SOALAN TAMAT